

Jawatankuasa Penasihat Dasar PM diketuai Hassan Marican

UTUSAN MALAYSIA 23 APR 2024

m/s. 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Dasar Kepada Perdana Menteri (PMAC) untuk memberi khidmat nasihat terkait soal pembangunan negara dan daya tahan ekonomi sejajar dengan Ekonomi Madani.

Jawatankuasa ini akan dipengerusikan Tan Sri Mohd. Hassan Marican dan turut dianggotai Pengerusi Eksekutif FPSO Ventures Sdn. Bhd. (FVSB) Sdn. Bhd., Datuk Ahmad Fuad Md. Ali, Prof. Dr. Yeah Kim Leng dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Institut Penyelidikan Khazanah, Dr. Nungsari Ahmad Radhi.

Menurut kenyataan Pejabat



Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ACFIN telah mendapat pertimbangan sewajarnya dan sebahagian daripadanya kini dalam proses pelaksanaan.”

Perdana Menteri, penubuhan jawatankuasa ini susulan berakhirnya tempoh Jawatankuasa Penasihat Kepada Menteri Ke-

wangan (ACFIN) pada Februari lalu yang juga dipengerusikan oleh Mohd. Hassan.

“Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ACFIN telah mendapat pertimbangan sewajarnya dan sebahagian daripadanya kini dalam proses pelaksanaan,” katanya semalam.

Pada masa sama, jelasnya, jawatankuasa yang dilantik ini tidak akan menerima sebarang bayaran daripada kerajaan.

ACFIN yang ditubuhkan pada 7 Februari 2023 bertujuan memberi fokus berhubung cara dan sumber yang boleh meningkatkan pendapatan negara dan mengurangkan perbelanjaan mengurus.

Mohd. Hassan berkata, antara tugas lain ACFIN termasuk perihal subsidi kerajaan, menasihat berkenaan syarikat

berkaitan kerajaan (GLC) dan menguruskan hutang negara.

“Peranan utama Jawatankuasa Penasihat adalah antara lain untuk menasihati Menteri Kewangan mengenai cara meningkatkan asas hasil negara dan mengurangkan kos pengurusan.

“Jawatankuasa Penasihat juga akan menasihati Menteri Kewangan dalam perkara berkaitan subsidi, termasuk menyemak dan menyusun semula subsidi sedia ada serta penyediaan perlindungan sosial yang lebih holistik.

“Perkara berkaitan GLC juga termasuk seperti menentukan rangkaiannya dengan kerajaan selain menyatukan mengikut kesesuaian. Selain itu, akan dinasihatkan perkara berkaitan hutang negara dan tadbir urus yang baik,” katanya.